

**TA'LIM MAHARAH AL-KALAM BIL LUGHAH AL-ARABIYYAH LIL NATIQIN BIGHAIRIHA: ASAR ISTIKHDAM AL-TARIQAH AL-MUBASYARAH**, oleh Rohaizaf Mizani Mat Zin, Prof. Dr. Rosni Bin Samah dan Dr. Azlan Saiful Bahrum. Bandar Baru Nilai, N.Sembilan: USIM Press. 2018. Halaman 128. ISBN 978-967-440-489-5.

Tajuk buku ini bermaksud Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Jati: Kesan Penggunaan Teknik Langsung. Kandungan buku dimulai dengan *al-muqaddimah* iaitu pengenalan, bab 1 hingga bab 4, penutup, rujukan dan daftar kata. Bermula bicara penulis di lembaran awal iaitu *al-muqaddimah* dengan menyatakan tujuan penulisan seperti yang tertera pada tajuk. Penulisan adalah hasil kajian tesis yang diolah dan dibukukan. Maka jelas penulis kedua dan ketiga adalah penyelia yang juga berperanan dalam penghasilan penulisan ini. Disambung bicara, kajian adalah penyelidikan yang dijalankan di Pusat Matrikulasi UIAM, Petaling Jaya. Di samping itu dijelaskan persoalan, objektif, batasan dan metodologi kajian. Secara umum dapat disimpulkan bahawa bahagian ini seperti kandungan tesis dengan maklumat yang dijelaskan.

Menelusuri perjalanan buku ilmiah ini ke Bab 1: *al-Tariqah al-Mubasyarah fi Ta'lim al-Lughah* iaitu Teknik Langsung dalam Pengajaran Bahasa. Empat fokus utama yang dicanang ialah: 1- Definisi Teknik Langsung, 2- Pandangan Ibnu Khaldun dan Isu Bahasa, 3- Teknik Langsung Dalam Pengajaran Bahasa-Bahasa Asing, dan 4- Perkembangan Teknik Langsung Dalam Bidang Pengajaran Bahasa.

Maklumat penting yang diperoleh dari bab ini ialah: Pandangan Ibnu Khaldun tentang pengajaran bahasa iaitu dengan mewujudkan 'Persekitaran Buatan'. Persekitaran yang menyerupai persekitaran sebenar iaitu bahasa asing yang dipelajari diperdengarkan kepada pelajar seakan mereka berada di kawasan bahasa tersebut digunakan. Langkah yang penting untuk menjayakan 'Persekitaran Buatan' ialah elemen: mendengar, mengulang, meniru, mengaplikasi dan muamalah bersama penutur jati.

Seterusnya diletakkan asas bahawa Teknik Langsung adalah teknik yang perlu lebih banyak mendengar dan membaca kemudian bercakap dan menulis. Terjemahan adalah sangat perlu disisihkan untuk pelaksanaan teknik ini. Ini menyokong pandangan Mahmud Kamil al-Naqah.

Penutup Bab 1 disenaraikan elemen penting implimentasi Teknik Langsung untuk pengajaran Bahasa Arab. 1- Bahasa pengajaran adalah bahasa sasaran (bahasa yang dipelajari). 2- Fokus kepada pengayaan kosa kata, ungkapan, gaya bahasa dan fungsi perkataan. 3- Fokus kepada kemahiran bertutur. 4- Pengajaran Nahu atau tatabahasa secara pembacaan. 5- Utamakan bertutur. 6- Penerangan melalui gambar, bahasa badan, lakonan dan membuat contoh untuk mengelakkan terjemahan. 7- Penyertaan pelajar dalam setiap aktiviti (berpusatkan pelajar). 8- Fokus kepada Kemahiran bertutur dan mendengar. 9- Fokus kepada penggunaan bahasa yang tepat dan fonetik yang betul. 10- Galakkan pelajar bertutur.

Seterusnya penulisan ini akan ke ruang intipati yang lebih utama iaitu Bab 2. Tajuk bab 2 ialah: Aplikasi Teknik Langsung. Bermula dengan secalit pengenalan ringkas, penulisan diteruskan ke bahagian kandungan yang lebih fokus. Tinta dimulakan dengan maklumat berkisar Kelebihan Teknik Langsung dalam pengajaran bahasa Arab. Antara kelebihanannya ialah; 1- Fokus utama adalah bahasa sasaran (bahasa Arab). 2- Keutamaan untuk 2 kemahiran

mendengar dan bertutur. 3-Galakan berterusan dialog dan komunikasi. 4- Pengajaran yang tepat fonetik, kosa kata dan ungkapan. 5- Latihan Membaca. 6- Latihan Menulis. 7- Galakkan Soal Jawab. 8- Fokus kepada Nahu atau tatabahasa berfungsi (tatabahasa yang melebihi aplikasi daripada teori. 9- Teknik tiru dan ulang. 10- Penggunaan alat bantuan pengajaran.

Bab 2 untuk bahagian kedua pula menjelaskan tentang cara pengajaran Teknik Langsung untuk bahasa Arab. Panduan pengajaran ini didahulukan dengan cara pengajaran kata kerja yang digalakkan menerang makna menggunakan bahan benar yang wujud di sekeliling, manakala untuk perkataan yang tiada di sekeliling, maka guru harus menggunakan gambar atau pergerakan. Diikuti pengajaran kosa kata untuk benda hidup yang wajib ditunjuk dan digunakan gambar, bukannya diterjemah terus untuk jalan mudah. Penulis mencadangkan teknik hubung kait, iaitu perkataan diterangkan secara jalinan bersama situasi agar membantu kefahaman pelajar.

Disimpulkan muka surat akhir Bab 2 dengan senarai elemen penting dari Pusat Bahasa Berlitz: *Berlitz Washington DC Language Centre*. Antara elemen utama Pengajaran bahasa Secara Teknik Langsung ialah; 1- Elak terjemahan, gunakan penerangan secara gambaran dan lain-lain. 2- Elak syarahan panjang, pilih penerangan secara pergerakan. 3- Elak berkhutbah dengan banyakk soal jawab. 4- Elak membiarkan kesalahan dengan membetulkan di waktu yang sesuai. 5- Elak daripada hanya memberi perkataan sahaja dengan lebih fokus kepada ayat iaitu fungsikan perkataan tersebut. 6- Galakkan pelajar lebih berkomunikasi dari guru. 7- Guna bahan bantuan yang lebih sesuai. 8- Elak untuk segera selesaikan silibus agar tumpuan diberikan pada tahap kefahaman pelajar. 9- Guru bertutur pada nada yang sesuai agar difahami semua pelajar. 10- Guru memilih nada suara yang sesuai. 11- Elak mudah rasa bosan kerana kerjaya mengajar memerlukan kesabaran.

Secara ringkas jelas hubungan rapat bab 1 dan Bab 2 yang menyusun maklumat berkaitan Teknik Langsung untuk pengajaran bahasa. Bahasa yang dimaksudkan di sini ialah bahasa Arab.

Bab 3 adalah bahagian aplikasi selepas dikumpulkan deretan teori dan pandangan para ilmuwan berkaitan teknik langsung untuk pengajaran bahasa Arab. Tajuk Bab 3 ialah Langkah-Langkah Pengajaran bahasa Arab Menggunakan Teknik Langsung. Selepas diberi pengenalan ringkas, penulis memulakan bicara dengan menyenaraikan langkah-langkah tersebut.

Langkah 1:Kemahiran Mendengar: Cadangan pelaksanaan adalah dengan memberi tumpuan hanya pada bahasa sasaran. Memperdengarkan bahasa sasaran yang tepat, betul dan menggunakan cara yang membantu kefahaman pelajar. Contoh dengan menggunakan peta minda.

Langkah 2: Kemahiran Bertutur: Galakkan yang meluas supaya pelajar bertutur. Pelajar perlu didedahkan dengan bahan yang sesuai, kemudian pelajar perlu menghafal, meniru dan mengulang hingga mereka memahami dan mengaplikasi bahasa tersebut iaitu bahasa Arab.

Langkah 3: Kemahiran Membaca: Pelajar perlu membaca dan memahami setiap perkataan, dan ungkapan dengan gaya bahasa yang betul. Pelajar perlu diberi peranan untuk membaca dan memahami teks melalui latihan yang sesuai.

Langkah 4: Pengajaran Nahu dan Sorof atau Tatabahasa: Penekanan lebih kepada fungsi tatabahasa bukan hanya menghafal kaedah. Tetapi memahami fungsi, mengetahui makna dan seterusnya memahami kaedah. Perbanyakkan contoh serta pemilihan tajuk-tajuk yang lebih relevan yang membantu penggunaan bahasa seharian.

Selesai menyenaraikan langkah-langkah yang sesuai, penulis beralih kepada perjalanan pelaksanaan pengajaran bahasa Arab secara Teknik Langsung. Penulis memaparkan dengan teliti setiap langkah yang perlu dilaksanakan oleh tenaga pengajar. Langkah ini memberi tumpuan kepada peranan pelajar kemudian peranan pensyarah agar pengajaran dapat dijalankan dengan sebaiknya. Antara tumpuan yang diberikan ialah memperkasa kosa kata berdasarkan tajuk yang dipilih. Sesi soal jawab dan interaksi berterusan. Pensyarah perlu sentiasa menjadi model yang bersemangat dalam menyampaikan fakta dan bijak memperlihatkan penguasaan kemahiran bahasa. Pensyarah harus membaca teks dengan jelas dan betul intonasi.

Penulisan ini juga memaparkan senarai tajuk untuk proses implimentasi pengajaran Teknik Langsung. Tajuk-tajuk adalah sesuai namun penekanan adalah pada acara penyampaian tajuk tersebut. Panduan pelaksanaan pengajaran (Rancangan Mengajar) juga dilampirkan sebagai panduan tenaga pengajar.

Bab 4 ialah bab metodologi kajian yang memaparkan cara kajian ini dijalankan dan kesan pelaksanaan pengajaran kemahiran bertutur bahasa Arab untuk bukan penutur jati melalui pendekatan Teknik Langsung. Penulis memilih untuk menjalankan kuasai eksperimen iaitu dengan menggunakan cara ujian *pre* dan *post* untuk melihat keberkesanan teknik yang dipilih. Dapatan menunjukkan bacaan positif dan baik kerana selepas pengajaran yang menggunakan Teknik Langsung, tahap kemampuan pelajar adalah semakin meningkat.

Tertera jelas bahawa kepekaan penulis untuk memperbaiki tahap kemahiran bertutur pelajar bukan penutur jati bahasa Arab iaitu anak bangsa Melayu kita adalah satu usaha yang murni. Penulisan buku ini yang memaparkan kepentingan pengajaran bahasa Arab dan pemilihan cara yang sesuai adalah bentuk inisiatif yang efisien sebagai ahli akademik. Cara pengajaran Teknik Langsung yang dikepil bersama panduan pelaksanaan pengajaran adalah sangat diperlukan sebagai bantuan kepada pengajar dan pendidik lain.

Relevansi buku sebagai bahan rujukan pengajaran kemahiran bertutur secara Teknik Langsung adalah sangat sesuai. Dapatan kesan cara yang dijalankan amat berfaedah serta menjadi panduan yang baik kepada ahli akademik.

Antara kebaikan lain yang dapat disimpulkan untuk penulisan ini ialah:

- 1- Penulisan menzahirkan peranan ulama.
- 2- Persepsi Ibnu Khaldun sebagai pasak teori penulisan adalah mantap.
- 3- Penekanan 'Persekitaran Buatan' secara Teknik 5M mendengar, mengulang, meniru, mengaplikasi dan muamalat membantu ahli akademik untuk proses aplikasi pengajaran jenis ini.
- 4- Bahasa yang digunakan adalah akademik, baku dan mudah difahami.
- 5- Gaya bahasa adalah jelas dan menjurus kepada tujuan.
- 6- Istilah Metodologi kajian terkini dalam bahasa Inggeris yang digunakan untuk kajian bahasa Arab satu contoh panduan untuk pembaca sasaran.

- 7- Susunan bab sesuai.
- 8- Penerangan kandungan tertib dan tersusun.
- 9- Bahan rujukan sesuai.
- 10- Penulisan relevan untuk pelaksanaan.
- 11- Susun atur Rancangan Mengajar jelas.
- 12- Pemilihan tajuk pengajaran kemahiran bertutur juga sesuai.
- 13- Olahan menarik tidak meleret dan membosankan.
- 14- Pembaca tertarik untuk terus memahami cara Teknik Langsung.
- 15- Tajuk yang dipilih adalah antara tajuk kritikal kerana kemahiran bertutur adalah antara kemahiran yang amat memerlukan penambahbaikan demi membantu pelajar bukan penutur jati iaitu pelajar Melayu kita.
- 16- Teknik langsung amat serasi dengan kemahiran bertutur kerana bertutur memerlukan kemahiran yang pantas.
- 17- Cadangan penggunaan *mind mapping* adalah bagus.
- 18- Teknik langsung yang dipaparkan bersama cara pelaksanaan adalah menarik.
- 19- Ketrampilan para penulis jelas dalam usaha penulisan yang penting ini.
- 20- Teknik Langsung lebih menekankan peranan pelajar.
- 21- Guru sebagai pembimbing.
- 22- Kandungan buku sesuai untuk pelbagai kumpulan sasaran, sama ada pelajar atau orang awam.
- 23- Pengisian kandungan adalah untuk peringkat awal untuk pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab.
- 24- Kreativiti pemilihan rujukan di Pusat Bahasa Berlitz: *Berlitz Washington DC Language Centre* adalah satu pendekatan yang digalakkan kerana semua pengajaran bahasa adalah seiring dan hampir serupa walaupun bahasa berlainan.

Cadangan Penambahbaikan untuk buku ini.

- 1- Contoh pengajaran Teknik Langsung adalah lebih tampak berkesan jika disertakan gambar, ilustrasi atau rajah.
- 2- Terdapat kesalahan ejaan pada bahagian kandungan di awal buku.
- 3- Cadangan laman web yang berkaitan Teknik Langsung adalah input yang bagus.
- 4- Penulis menulis tentang persepsi Ibnu Khaldun sebagai sumber teori penulisan, namun dalam aplikasi pengajaran persepsi ini kurang diperlihatkan hubung kaitnya.
- 5- Penekanan 'Persekitaran Buatan' secara Teknik 5M mendengar, mengulang, meniru, mengaplikasi dan muamalat juga masih perlu disemak semula agar jelas melalui praktis yang sesuai.

Secara umum buku *Ta'lim Maharah al-Kalam bil Lughah al-Arabiyyah lil Natiqin bighairiha: Asar Istikhdam al-Tariqah al-Mubasyarah* yang bermaksud Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Arab Untuk Bukan Penutur Jati: Kesan Penggunaan Teknik Langsung dengan halaman 128 muka, tidak perlu dibaca semua halaman. Fokus yang perlu hanyalah bab 1, 2 dan 3. Penelitian pembaca pada ulasan buku seperti ini juga membantu ahli akademik untuk tidak meluangkan masa yang berlebihan bagi usaha pemerolehan input penting bagi satu-satu penulisan akademik.

Buku ini mempunyai peranan yang besar dan penting jika usaha pelaksanaan bahan dan kandungan serta cadangan yang dilampirkan mendapat tempat pada ahli pendidik dan ahli akademik supaya usaha implimentasi diberi penekanan yang sepatutnya. Deretan buku dan kajian yang banyak dan sangat baik adalah berhajat kepada inisiatif pelaksanaan pada semua

peringkat. Pemilihan nama besar Ibnu Khaldun sebagai sumber teori penulisan adalah satu bentuk usaha yang sangat baik. Ianya satu usaha apresiasi ulama.

**Wazzainab binti Ismail**

Jabatan Bahasa Dan Pembangunan Insan,  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.